

UPM perkenal Bacelor Teknologi Pertanian Pintar

3U1i disasar
lahirkan ahli
teknologi
berpengetahuan,
kompeten

Oleh Nur Syamila
Kamarul Arefin
bhpendidikan@bh.com.my

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) membangunkan program mod industri (3U1i) iaitu Bacelor Teknologi Pertanian Pintar di bawah fakulti pertanian buat julung kalinya.

Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) Fakulti Pertanian, Prof Madya Dr Juwaidah Sharifuddin, berkata program itu ditawarkan seiring dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN2.0)

dalam memacu sektor pertanian ke arah yang lebih berdaya saing.

“Terdapat keperluan untuk melahirkan tenaga buruh atau pekerja mahir menggunakan teknologi yang diaplikasikan dalam sektor pertanian di Malaysia serta di luar negara.

“Justeru, program ini disasarkan untuk melahirkan ahli teknologi pertanian yang berpengetahuan dan kompeten. Mereka diharap dapat membangun dan mengurus pengeluaran pertanian berasaskan sistem pertanian pintar serta mengamalkan peningkatan ilmu pengetahuan,” katanya.

Selaras perkembangan semasa
Tegas Juwaidah, semua itu boleh dicapai melalui kaedah pembelajaran berterusan dalam bidang pertanian pintar selaras dengan perkembangan semasa sektor pertanian.

Tambahnya, program ini ditawarkan secara sepenuh masa selama empat tahun dalam dua mod

iaitu kerja kursus dan 3U1i, contohnya bekerja di Ladang Guhtrie.

“Bagi mod industri, pelajar akan berada di universiti selama tiga tahun dan setahun di industri,” katanya.

Sementara itu, pelajar yang terpilih menyambung pengajian dalam bidang berkenaan, Ayu Shuhada Ahmad Hilmey, berkata bidang pertanian adalah antara bidang utama bagi semua negara.

“Memandangkan jangkaan krisis sekuriti makanan pernah dibangkitkan, kita dapat lihat usaha untuk memajukan bidang pertanian ini sentiasa relevan.

“Malah ia perlu dibuat selari dengan perkembangan semasa,” katanya.

Selain Ayu Shuhada, seramai 20 orang lagi pelajar terpilih untuk menyambung dalam program Bacelor Teknologi Pertanian Pintar yang baharu diperkenalkan pertama kali oleh Fakulti Pertanian kepada pelajar sesi 2022/2023 ini.

“ Kita dapat lihat usaha untuk memajukan bidang pertanian ini sentiasa relevan ”



Ayu Shuhada Ahmad Hilmey,
Pelajar program
Bacelor Teknologi
Pertanian Pintar

“ Bagi mod industri, pelajar akan berada di universiti selama tiga tahun dan setahun di industri ”



Dr Juwaidah Sharifuddin,
Pensyarah di Jabatan
Kejuruteraan Bioperubatan,
Fakulti Kejuruteraan, UM